

Keberkesanan Kursus Pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka: Peningkatan Ilmu Kemahiran dan Penjanaan Pendapatan

Rohaida Hani Sabarem* dan Nooraziana Anua

Kolej Komuniti Kota Melaka, Melaka

*Pengarang perantara: rohaidahani13@gmail.com

Abstrak

Kolej Komuniti di seluruh Malaysia menyediakan kursus sepenuh masa yang diiktiraf oleh kerajaan kepada pelajar lepasan sekolah menengah dan juga pelajar yang tercicir serta melaksanakan kursus pendek yang dikenali dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada komuniti setempat. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) kini turut memberikan tumpuan kepada program PSH demi melengkapkan masyarakat MADANI dengan pelbagai ilmu kemahiran dan pengetahuan. Sejalan dengan hasrat ini, Kolej Komuniti Kota Melaka (KKKM) telah menawarkan pelbagai kursus kemahiran kepada komuniti setempat yang ingin meningkatkan ilmu kemahiran dan merasai pengalaman menyertai kursus pendek PSH ini. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk melihat keberkesanan kursus pendek di KKKM dalam konteks peningkatan ilmu kemahiran dan juga penjanaan pendapatan dikalangan peserta. Responden kajian melibatkan seramai 50 orang peserta kursus pendek yang pernah menyertai kursus pendek di KKKM dalam bidang kecantikan dan spa dan juga bidang dandananan rambut. Rekabentuk kajian dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan instrumen borang soal selidik. Hasil dapatan dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 untuk mencari nilai min, frekuensi dan sisihan piawai. Hasil kajian mendapati bahawa tahap keberkesanan kursus pendek dari segi peningkatan tahap ilmu kemahiran peserta berada pada tahap yang tinggi dengan nilai purata skor min 4.34 dan dari segi penjanaan pendapatan juga berada pada tahap yang tinggi dengan purata skor min 4.19. Dengan penganjuran kursus pendek yang ditawarkan oleh KKKM didapati tela memberi kesan yang positif kepada peserta dan ia seharusnya diteruskan pada masa hadapan bagi membantu memperkasakan komuniti setempat.

Kata kunci: Keberkesanan; Kolej Komuniti; Kursus Pendek.

1.0 Pengenalan

Kolej Komuniti Kota Melaka (KKKM) ditubuhkan mengikut dasar kerajaan untuk menghasilkan lebih ramai komuniti yang berkelayakan dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan masyarakat di Melaka dan menangani kekurangan tenaga kerja. Kolej Komuniti Kota Melaka memberi khidmat kepada masyarakat setempat dengan memberi pendedahan, ilmu dan kemahiran melalui penawaran kursus pendek yang dijalankan. KKKM juga adalah organisasi yang berusaha untuk menawarkan pengajaran dan latihan yang sentiasa dapat diakses oleh masyarakat. Tenaga pengajar atau pensyarah di KKKM adalah terdiri daripada mereka yang berkemahiran dan berpengetahuan dalam bidang terapi kecantikan dan spa serta bidang dandanan rambut.

Kolej Komuniti Kota Melaka yang kini berusia hampir 18 telah dikenali oleh hampir seluruh komuniti tempatan khususnya komuniti yang berada di daerah Melaka Tengah. Di KKKM, penganjuran kursus pendek adalah bergantung kepada keperluan masyarakat sekeliling, kepakaran kakitangan, dan sumber yang ada. Bagi menggalakkan peserta kursus mengambil bahagian dalam kursus pendek, pelbagai inisiatif promosi dilaksanakan, dengan tumpuan kepada sekolah, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan ruang awam. Selain itu, kalendar perancangan kursus yang menyediakan pelbagai kursus yang menarik juga telah diedarkan kepada komuniti setempat.

Organisasi kerajaan seperti Kolej Komuniti Kota Melaka adalah salah sebuah organisasi yang penting dalam sistem pendidikan negara ini apabila ia ditubuhkan untuk menyampaikan pengetahuan dan kemahiran, terutamanya dalam pembangunan bakal usahawan masa depan dan penyediaan pelbagai perkhidmatan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Masyarakat kini terpaksa memperbaharui dan menambah pengetahuan dan kemahiran mereka secara berterusan bagi memenuhi kepelbagaian keperluan industri dan daya saing pasaran global.

Majikan dan industri juga memerlukan pekerja yang berkemahiran dan mempunyai pengalaman untuk meningkatkan produktiviti. Selaras dengan kemajuan sosioekonomi negara, rakyat menjadi lebih sedar dan menghargai keperluan untuk memperluaskan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk maju dan berasa selesa dengan diri mereka sendiri. Menurut Zulkefli (2005), pembelajaran sepanjang hayat seharusnya boleh diakses oleh semua peringkat umur, termasuk suri rumah, pesara, orang kurang upaya, dan warga emas. Ia bukan hanya untuk kelas pekerja.

Bilangan pekerja separa mahir menurun sebanyak 1 peratus iaitu daripada 60 peratus kepada 59 peratus berdasarkan aaaperangkaan Jabatan Penerangan Malaysia (2016), manakala peratusan pekerja tidak mahir berkurangan sebanyak 0.8 peratus, daripada 26 peratus kepada 25.02 peratus. Ini menunjukkan bagaimana statistik pekerja yang berdasarkan ilmu pengetahuan dan tahap kemahiran menurun dari semasa ke semasa. Justeru, adalah perlu untuk memperkukuh pelaksanaan program

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dengan menekankan akses komuniti setempat kepada peluang membina kemahiran yang selaras dengan piawaian industri.

Menurut data laporan Unit Perancang Ekonomi dalam Model Ekonomi baharu (2017), majoriti tenaga kerja di negara ini terdiri daripada golongan yang tidak berkemahiran tinggi, dan dipercayai golongan ini akan terus menjadi penghalang kepada matlamat negara untuk menjadi negara maju (Zulkifli 2016). Ini kerana, menurut Kementerian Sumber Manusia (2016), sesebuah negara mesti mempunyai lebih daripada 50% kakitangan yang berkemahiran tinggi untuk dianggap sebagai negara maju. Bagaimanapun, Malaysia hanya mempunyai 28% profesional berkelayakan tinggi.

Oxford Advanced Learner's Dictionary (2003) menyediakan dua definisi untuk istilah "latihan." Pertama, latihan ialah proses mengajar seseorang kebolehan yang mereka perlukan untuk menjalankan tanggungjawab mereka. Latihan ini disifatkan sebagai proses bersedia secara fizikal untuk bersaing dalam dunia yang sebenar. Definisi pertama akan digunakan dalam konteks perbincangan artikel ini kerana latihan organisasi lebih menumpukan kepada pembangunan kemahiran individu untuk memudahkan orang ramai menjalankan sebarang program atau aktiviti, khususnya yang berkaitan dengan keusahawanan. Setiap orang mesti mengambil kursus untuk meningkatkan kecekapan kerja mereka, mengembangkan pengetahuan mereka untuk matlamat perniagaan, atau atas sebab lain. Pengetahuan, kebolehan, sikap, dan nilai peribadi seseorang pekerja semuanya boleh dipertingkatkan melalui program latihan untuk lebih memenuhi keperluan perubahan dalam laluan kerjaya mereka (Hellriegel, Jackson, dan Slocum, 1999).

Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji telah mengambil langkah untuk menilai tahap keberkesanan kursus jangka pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka dari segi peningkatan ilmu kemahiran dan penggunaan ilmu kemahiran sebagai idea atau peluang bagi penjanaan pendapatan oleh peserta – peserta yang pernah menyertai kursus pendek di KKKM.

2.0 Sorotan Kajian

Melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat berpotensi untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing peserta, serta meningkatkan kesedaran dan penyertaan dalam komuniti setempat, khususnya dalam kalangan kumpulan sasaran yang dikenal pasti (Samihah & Marlina, 2014).

Masyarakat boleh mengukuhkan jati diri dan meningkatkan kepakaran dalam pelbagai disiplin dengan menganjurkan kursus pendek, menurut Menteri Pembangunan Sosial Tan Sri William Mawan Ikom. Dengan kepantasan teknologi berkembang pada masa kini, masyarakat mesti bersaing untuk memanfaatkan setiap peluang yang diberikan oleh kemajuan teknologi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah-ubah. Ini adalah hasil daripada kerajaan menawarkan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan pada kos yang mampu dimiliki oleh penduduk, dengan

mengambil kira keperluan mereka. Usaha ini harus diteruskan kerana ia menambah baik kejiranan dan memupuk keusahawanan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi (The Borneo Post, 2015).

Salah satu faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kerja ialah latihan yang diperolehi. Keberkesanan dan kecekapan tugas akan dipertingkatkan dengan latihan berkaedah dan berterusan. Usahawan yang cekap boleh dihasilkan melalui latihan yang berkesan, di samping kakitangan yang produktif. Pemilik perniagaan semula jadi akan membuat wang dan akhirnya membantu negara (Endot Ideris, 2007).

Menurut Shaharom TM Sulaiman (1999), salah satu komponen utama pengurusan organisasi dan pembangunan insan yang berkesan ialah kemahiran. Pihak pengurusan, antara lain, melakukan usaha yang berbeza, termasuk latihan, kursus, seminar, dan lain-lain, bagi memenuhi matlamat untuk meningkatkan bakat ini. Bagi tujuan meningkatkan produktiviti kakitangan, kedua-dua sektor awam dan komersial mempunyai jabatan latihan khusus.

Kebanyakan komuniti sama ada yang berpendidikan tinggi atau rendah cenderung untuk memilih pekerjaan disektor awam atau swasta disebabkan kurang kemahiran dan ilmu keusahawanan (B.Din etal, 2016). Mereka tidak yakin dengan kemahiran yang ada dan tiada pemikiran untuk menjana pendapatan melalui kemahiran yang ada.

Rancangan Malaysia ke-10 melaporkan jumlah tenaga kerja berkemahiran tinggi di Malaysia hanya 28% (Wan Ahmad etal 2011) dan ini menunjukkan sebahagian besar penduduk Malaysia mempunyai tahap kerja yang kurang mahir atau rendah. Kekurangan tenaga mahir atau separa mahir akan menyebabkan sektor perindustrian terbantut sekaligus melambatkan pertumbuhan ekonomi negara (Rusdi @ Rosdi 2016). Kekurangan tenaga mahir ini menyebabkan pengeluaran produktiviti negara rendah serta mewujudkan jurang besar dengan negara maju. Oleh itu, sebagai salah sebuah institusi yang menawarkan pembelajaran kemahiran, Kolej Komuniti bertanggungjawab memastikan pelaksanaan program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dilakukan mengikut prosedur yang betul dan sistematik bagi menyelesaikan isu pengetahuan dan kemahiran peserta kursus pendek di Kolej Komuniti.

Berdasarkan isu dan permasalahan yang dinyatakan, kajian ini cuba membincang dan menganalisis keberkesanan kursus pendek Kolej Komuniti Kota Melaka dari segi peningkatan kemahiran dan juga dari segi penjanaan pendapatan.

3.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah bagi memenuhi objektif kajian seperti berikut:-

- 1.0 Mengenalpasti sama ada berlakunya keberkesanan kursus pendek dari segi peningkatan tahap ilmu kemahiran peserta kursus pendek.

- 2.0 Mengenalpasti sama ada ilmu yang diperolehi dari kursus pendek dapat memberi kesan terhadap penjanaaan pendapatan.

4.0 Metodologi Kajian

4.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang bertujuan untuk mengetahui keberkesanan Kursus Pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka dari segi Peningkatan Ilmu Kemahiran dan Penjanaaan Pendapatan Peserta yang pernah menyertai kursus pendek di KKKM

4.2 Sampel Kajian

Seramai 50 individu yang mengikuti kursus pendek dalam tempoh dua tahun di Kolej Komuniti Kota Melaka telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Individu yang dipilih adalah terdiri daripada mereka yang komited dengan sebarang kursus yang dianjurkan oleh pihak kolej. Kursus yang ditawarkan kepada peserta adalah spesifik iaitu kursus berkaitan dengan dandan rambut dan kursus yang berkaitan dengan terapi kecantikan dan spa seperti manicure pedicure, rawatan muka, mekap dan sebagainya. Borang soal selidik diberi kepada peserta melalui *link Google Form*.

4.3 Instrumen

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu: Bahagian A (Maklumat Responden), Bahagian B (Keberkesanan peningkatan kemahiran), dan Bahagian C (penjanaaan pendapatan). Borang soal selidik ini mengandungi item soalan menggunakan Skala Likert. Soal selidik jenis Linkert ini meminta responden menandakan jawapan mereka tentang sesuatu kenyataan berdasarkan lima (5) pemeringkatan iaitu: -

Skala	Penerangan
Satu (1)	Sangat Tidak Setuju
Dua (2)	Tidak Setuju
Tiga (3)	Agak Setuju
Empat (4)	Setuju
Lima (5)	Sangat Setuju

Kajian rintis telah dilaksanakan oleh pengkaji bagi menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrument kajian. Nilai pekali indeks Cronbach Alpha yang telah dicapai dalam kajian rintis ini adalah mencapai 0.973 dan ini menunjukkan bahawa instrument kajian mempunyai tahap ketekalan yang sangat tinggi.

4.4 Analisis Data

Sisihan piawai, nilai min, peratusan, kekerapan dan statistik deskriptif lain digunakan untuk memeriksa data daripada pemerhatian dan tinjauan. Perisian yang dinamakan SPSS versi 26.0 digunakan untuk menganalisis data kajian menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif. Matlamat analisis deskriptif, kaedah analisis data yang menyeluruh, adalah untuk

memberikan gambaran umum profil responden menggunakan pembolehubah seperti kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Pengkaji menggunakan tafsiran skor min, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1, untuk menjawab soalan kajian.


Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah / Tidak Sesuai
2.34 hingga 3.66	Sederhana / Agak Sesuai
3.67 hingga 5.00	Tinggi / Sesuai

Sumber: Ubahsuai daripada Ab. Halim (2020)


Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan

Bagi latar belakang responden kajian ini telah melibatkan seramai 50 orang responden yang terdiri daripada peserta kursus pendek dalam bidang Dandan Rambut dan Terapi Kecantikan dan Spa di Kolej Komuniti Kota Melaka. Maklumat berkaitan dengan latar belakang responden adalah seperti di bawah: -




Rajah 1: Jantina Peserta Kursus

Rajah 1 di atas menunjukkan sampel kajian yang terlibat dalam kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kolej Komuniti Kota Melaka. Sebanyak 50 orang responden telah dipilih sebagai sampel kajian. Daripada tersebut didapati sampel kajian ini adalah terdiri daripada 21 lelaki (42.0%) dan 29 orang (58.0%) peserta perempuan yang terdiri dari peserta – peserta Kolej Komuniti Kota Melaka.




Rajah 2: Latar belakang umur peserta kursus

Berdasarkan Rajah 2 di atas, sebanyak 12% (6 orang) daripada sampel kajian adalah berumur 15 hingga 20 tahun, 24% (12 orang) adalah terdiri dari mereka yang berumur 21 hingga 25 tahun, 12% (6 orang) berumur antara 26 hingga 30 tahun, 10% (5 orang), 16% (8 orang) berumur 36 hingga 40 tahun, 2 % atau 1 orang berumur 41 hingga 45 tahun, 14% (7 orang) berumur 46 hingga 50 tahun dan 10% atau bersamaan dengan 5 orang berumur 51 tahun ke atas.



Rajah 3: Latar belakang mengikut bangsa

Berdasarkan Rajah 3 di atas, berikut adalah pecahan mengikut kaum dibuat, 86% (43 peserta) daripada sampel kajian adalah berbangsa Melayu, 4% (2 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang berbangsa Cina dan 2% (1 peserta) sampel adalah terdiri daripada peserta kursus yang berbangsa India, 6% (3 peserta) terdiri daripada kaum bumiputera dan bakinya sebanyak 2% atau 1 orang ada lah dari lain – lain bangsa.



Rajah 4: Latar belakang mengikut taraf pendidikan

Berikut adalah pecahan mengikut taraf pendidikan dibuat dan berdasarkan Rajah 4 di atas, 2% (1 peserta) daripada sampel kajian adalah mempunyai pendidikan bertaraf Ijazah, 12% (6 peserta) adalah terdiri daripada mereka yang bertaraf STPM/Diploma, 18% (9 peserta) sampel adalah bertaraf Sijil ILP/Politeknik/Kolej Komuniti/Kemahiran dan 66% (33) mempunyai Pendidikan sehingga SPM dan akhir sekali sebanyak 2% atau bersamaan 1 orang peserta berpendidikan sehingga PMR/PT3.



Rajah 5: Jenis pekerjaan peserta

Berdasarkan Rajah 5 di atas bagi bidang pekerjaan peserta, sebanyak 6% (3 peserta) daripada sektor kerajaan, 24% (12 peserta) bekerja disektor swasta, 46% (23 peserta) adalah terdiri daripada peserta yang bekerja sendiri, dan 22% (11 peserta) terdiri daripada peserta yang tidak bekerja dan 2% (1

peserta) terdiri daripada lain – lain. Dapat dilihat di sini kebanyakan peserta adalah dari mereka yang bekerja sendiri di mana mereka kemungkinan mempunyai perniagaan sendiri, atau membuat kerja berdasarkan atas permintaan pelanggan.

Bagi analisis keberkesanan kursus pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka, hasil dapatan kajian telah dianalisis berdasarkan kehendak dan persoalan yang digariskan sebelum ini. Setiap data yang diperolehi telah dikumpulkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 26.0. Kajian mengambil kira nilai kekerapan, min dan sisihan piawai bagi menghuraikan proses analisis.

Jadual 2: Keberkesanan kursus pendek dari segi peningkatan tahap ilmu kemahiran peserta kursus pendek

ITEM SOALAN	SKOR					MIN	SISIHAN PIAWAI	TAHAP
	1	2	3	4	5			
B01. Kursus Pendek di Kolej Komuniti dapat meningkatkan kemahiran peserta	0	0	7 (14%)	9 (18%)	3 (68%)	4.54	.73429	Tinggi
B02. Kursus Pendek di Kolej Komuniti memberikan latihan dan amalan yang mencukupi dalam memperbaiki kemahiran peserta	0	0	7 (14%)	15 (30%)	28 (56%)	4.42	.73095	Tinggi
B03. Tenaga Pengajar kursus pendek memberi peluang kepada peserta untuk bertanya dan membincangkan kemahiran yang di pelajari	0	0	8 (16%)	12 (24%)	30 (60%)	4.44	.76024	Tinggi
B04. Kursus Pendek di Kolej Komuniti memperkenalkan kaedah atau teknik baru dalam peningkatan kemahiran	0	1 (2%)	7 (14%)	21 (42%)	21 (42%)	4.24	.77090	Tinggi
B05. Menghadiri Kursus Pendek di Kolej Komuniti dapat memperluaskan	0	0	7 (14%)	14 (28%)	29 (58%)	4.44	.73290	Tinggi

pengetahuan dalam bidang kemahiran tertentu								
B06. Tahap keyakinan peserta menjadi tinggi ketika menggunakan kemahiran yang dipelajari	0	0	7 (14%)	31 (62%)	12 (24%)	4.10	.61445	Tinggi
B07. Peserta dapat mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dalam situasi kehidupan sebenar atau dalam pekerjaan	0	0	7 (14%)	23 (46%)	20 (40%)	4.26	.69429	Tinggi
B08. Kursus Pendek di Kolej Komuniti memberikan nilai tambah yang selari dengan perkembangan kemahiran dalam jangka masa yang panjang	0	0	7 (14%)	22 (44%)	21 (42%)	4.28	.70102	Tinggi
B09. Bahan dan aktiviti dalam kursus pendek membantu peserta memahami ilmu kemahiran yang baru dengan baik	0	0	8 (16%)	16 (32%)	26 (52%)	4.36	.74942	Tinggi
Purata Nilai Skor Min						4.34		Tinggi

Berdasarkan Jadual 2 di atas, sebanyak Sembilan (9) item yang diberikan kepada responden berkaitan peningkatan kemahiran peserta dalam kursus pendek. Responden telah menjawab kesemua item dan telah dianalisis bagi mendapatkan nilai skor min. Item yang memperoleh nilai skor min paling tinggi adalah “B01. Kursus Pendek di Kolej Komuniti dapat meningkatkan kemahiran peserta” iaitu 4.54 dan berada pada tahap tinggi. Manakala item yang mendapat nilai skor min yang rendah dalam skop meningkatkan kemahiran peserta ini ada “B06. Tahap keyakinan peserta menjadi tinggi ketika menggunakan kemahiran yang dipelajari” dengan skor min 4.10 dan berada pada tahap yang tinggi. Purata nilai skor min bagi keberkesanan peningkatan kemahiran ini adalah 4.34 dan berada pada tahap yang tinggi.

Hasil dari dapatan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kursus pendek yang disertai oleh responden terbukti dapat meningkatkan kemahiran

responden dengan nilai skor min sebanyak 4.54. Jumlah min ini adalah pada aras tahap yang tinggi. Statistik ini menyatakan bahawa kursus pendek yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Kota Melaka berjaya meningkatkan kemahiran responden. Perkara ini mungkin disokong oleh dengan penggunaan peralatan dan bahan yang lengkap semasa berkursus dan teknik pengajaran oleh tenaga pengajar. Item seterusnya iaitu “Tenaga Pengajar kursus pendek memberi peluang kepada peserta untuk bertanya dan membincangkan kemahiran yang di pelajari” dan juga item “Menghadiri Kursus Pendek di Kolej Komuniti dapat memperluaskan pengetahuan dalam bidang kemahiran tertentu” mempunyai nilai skor min yang sama iaitu 4.44.

Mushtaq dan Khan (2012) mendapati komunikasi, kemudahan pembelajaran, bimbingan guru yang betul dan baik mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi pembelajaran seseorang. Tidak dinafikan dengan tenaga pengajar yang berpengalaman di Kolej Komuniti Kota Melaka dapat memberi kesan peningkatan kemahiran. Responden juga mengakui bahawa dengan menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka dapat memperluas pengetahuan dalam kemahiran tertentu. Di KKKM, bidang utama adalah dandan rambut dan terapi kecantikan dan spa di mana bidang ini adalah luas dan sentiasa berubah dari masa ke semasa. Skor min terendah dengan nilai 4.10 bagi keberkesanan dalam peningkatan kemahiran ini adalah “tahap keyakinan peserta menjadi tinggi ketika menggunakan kemahiran yang dipelajari”. Walaupun masih berada dalam tahap yang tinggi, keyakinan responden terhadap penggunaan kemahiran yang dipelajari masih perlu diberi perhatian. Bidang kemahiran adalah sesuatu yang perlu diamalkan selalu agar menjadi semakin mahir. Responden perlu membiasakan diri mempraktikkan kemahiran yang diperolehi dengan membuat latihan kepada pelanggan atau orang terdekat atau sentiasa mengikuti kursus – kursus pendek untuk menjadikan diri lebih mahir.

Dapatan kajian mengenai keberkesanan kursus pendek terhadap penjanaaan pendapatan bagi peserta berdasarkan Jadual 3 di atas menunjukkan responden bersetuju dengan menyertai kursus pendek dapat dijadikan sebagai sumber pendapatan tambahan dengan purata nilai skor min 4.19 dan berada pada tahap yang tinggi. Mempunyai 7 item soalan, item “C04. Ilmu Kemahiran yang diperolehi dari Kursus Pendek Kolej Komuniti boleh dijadikan sebagai pendapatan sampingan” mempunyai nilai skor min yang tinggi iaitu 4.34 dan item “C07 Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek dapat meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi” mendapat nilai skor min 3.92.

Berdasarkan kepada Jadual 3, purata nilai skor min bagi keberkesanan kursus pendek terhadap penjanaaan pendapatan ialah 4.19 dan berada pada tahap tinggi. Item “Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek yang disertai boleh digunakan untuk menjana pendapatan” mempunyai nilai skor min yang tinggi iaitu 4.4. Perkara ini tidak boleh dinafikan kerana dengan keadaan sosioekonomi sekarang yang tidak menentu, setiap orang perlu ada *survival skill* untuk meneruskan kehidupan. Dengan menggunakan ilmu

kemahiran yang ada, seseorang boleh membuka perniagaan yang bermula secara kecil – kecilan.

Jadual 3: keberkesanan kursus pendek terhadap penjanaaan pendapatan.

ITEM SOALAN	SKOR					MIN	SISIHAN PIAWAI	TAHAP
	1	2	3	4	5			
C01. Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek yang disertai boleh digunakan untuk menjana pendapatan	0	0	8 (16%)	14 (28%)	28 (56%)	4.40	.75593	Tinggi
C02. Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek yang disertai boleh digunakan untuk meningkatkan pendapatan	0	0	8 (16%)	13 (26%)	29 (58%)	4.42	.75835	Tinggi
C03. Kemahiran yang diperolehi dari Kursus Pendek Kolej Komuniti dapat membantu meningkatkan taraf hidup komuniti secara keseluruhannya	0	0	13 (26%)	27 (54%)	10 (20%)	3.94	.68243	Tinggi
C04. Ilmu Kemahiran yang diperolehi dari Kursus Pendek Kolej Komuniti boleh dijadikan sebagai pendapatan sampingan	0	0	7 (14%)	19 (38%)	24 (48%)	4.34	.71742	Tinggi
C05. Keyakinan peserta bertambah tinggi untuk menjana pendapatan sampingan dengan ilmu kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek yang disertai	0	0	8 (16%)	25 (50%)	17 (34%)	4.18	.69076	Tinggi
C06. Dengan menyertai kursus pendek kolej	0	0	8 (16%)	26 (52%)	16 (32%)	4.16	.68094	Tinggi

komuniti, dapat membantu dalam mencari peluang kerja sampingan atau bekerja sendiri								
C07. Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek dapat meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi	0	0	15 (30%)	24 (48%)	11 (22%)	3.92	.72393	Tinggi
Purata Nilai Skor Min						4.19		Tinggi

Nilai skor yang paling rendah bagi keberkesanan penjanaan pendapatan adalah item “Kemahiran yang diperolehi dari kursus pendek dapat meningkatkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang lebih tinggi” dengan nilai 3.92. Sebanyak 46% responden yang menyertai kursus pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka mempunyai latar belakang pekerjaan yang berkerja sendiri atau *freelance*. Oleh itu mereka tidak merasakan dengan mengikuti kursus pendek ini dapat memberi peluang dalam mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang tinggi. Selain itu, responden juga ada yang telah bekerja tetap dan juga kakitangan awam yang cuma memerlukan kursus ini untuk mendapatkan kemahiran tambahan yang mungkin akan digunakan suatu hari nanti. Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan kursus – kursus kemahiran sememangnya dapat membantu dari segi penjanaan pendapatan berdasarkan peserta – peserta lain yang boleh terlibat dalam membina perniagaan sendiri dengan kemahiran yang ada.

5.0 Rumusan Dan Cadangan

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini dapat mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu ingin mengenalpasti sama ada berlakunya keberkesanan kursus pendek dari segi peningkatan tahap ilmu kemahiran peserta kursus pendek dan juga ini mengenalpasti sama ada ilmu yang diperolehi dari kursus pendek dapat memberi kesan terhadap penjanaan pendapatan. Keberkesanan dari hasil kajian ini dapat dilihat apabila nilai skor min bagi kedua – dua objektif berada pada tahap yang tinggi. Peningkatan tahap kemahiran responden dapat dilihat selari dengan keyakinan responden dalam memberi maklumbalas mengenai penjanaan pendapatan melalui kemahiran yang diperolehi. Sebagai cadangan, Kolej Komuniti Kota Melaka seharusnya lebih giat dan memperbanyakkan lagi usaha melaksanakan kursus-kursus pendek bidang kemahiran agar peserta-peserta dapat menyertai kursus berulang kali dalam memantapkan kemahiran mereka dan juga meningkatkan keyakinan peserta dalam

mengaplikasikan kemahiran yang diperolehi. Pelaksanaan kursus yang berterusan dapat menjadikan peserta semakin berpengetahuan dan berkemahiran sekaligus dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran dalam membantu penjanaan pendapatan.

Rujukan

- Hazwani Hasami, Nor Aishah Buang (2018), Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1(1) (2018): 89-106.
- Kamus Dewan, "Dewan Bahasa dan Pustaka", (2000).
- Nor Hatina Shuib, Disember 2016, Kemahiran daripada Kursus RM5, Jana RM5,000 Sebulan, BH Online. Manfaatkan Kursus Ditawarkan di Kolej Komuniti, Borneo Post Online, Oktober 2015.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), Membudayakan Pembelajaran Sepanjang Hayat, 129-139.
- Mushtaq, I., & Khan, S. N. (2012). Factors Affecting Students' Academic Performance, Annual Conference of the North American Fuzzy Information Processing Society - NAFIPS, 12(9),16-22. https://globaljournals.org/GJMBR_Volume12/3-Factors-Affecting-Students-Academic.pdf.
- Rizarina Ekhwan, Siti Hazwani Rosli & Razzatul Iza Zurita Rasalli, (2020), Keberkesanan Kursus Jangka Pendek Anjuran Kolej Komuniti Ledang, Johor Terhadap Alumni. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(1), 68-79.
- Rusdi @ Rosdi, N. S. 2016. Transformasi Kurikulum Kolej Vokasional dalam Kesediaan Melahirkan *k-Worker*: Satu Kajian Kes Kolej Vokasional Kluang, (Master's Thesis), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Samihah Sarpan, & Marlina Mohamad, (2014), Tahap Kesedaran Belia Mengikuti Kursus Pendek Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di Daerah Batu Pahat.
- Shaharom TM Sulaiman, (1997), Pengurusan Islam dan Pembangunan Manusia, Batu Caves: Thinker's Library.
- Suganti, Asma Laily, Siti Rahayu, (2018), Keberkesanan Kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat dengan Pekebun Kecil RISDA, Politeknik & Kolej Komuniti *Journal of Life Long Learning*, Vol. 2, 2018, eISSN 2600-7738.
- Suhailie, Siti Norsiah, Rasidah, (2018), Kajian Tinjauan Keberkesanan Promosi Kursus Pendek di Kolej Komuniti Segamat 2, Politeknik & Kolej Komuniti *Journal of Life Long Learning*, Vol. 2, 2018. eISSN 2600-7738.
- Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) 2014.
- Wan Ahmad, Wan Rashid, Mohd. Hashim, M. H. 2011, Pelaksanaan Program Pendidikan Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (Thesis), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Wan Ajrul Aswad, Siti Mahani, Nurhalisa, (2023). Kajian Keberkesanan Program Latihan Kemahiran Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Pasir Gudang, *Technical and Vocational Education International Journal*, Februari 2023 | Vol.3 | No. 1 E-ISSN: 2721-9798. DOI: 10.556442.

Keberkesanan Kursus Pendek di Kolej Komuniti Kota Melaka: Peningkatan Ilmu Kemahiran dan Penjanaan Pendapatan

Yufiza Mohd Yusof, Siti Saleha Abd Aziz, (2014), Pembelajaran Sepanjang Hayat Pencetus Kemahiran Dalam Membangunkan Komuniti.
Zulkefli, H. A. (2005) Profesionalisme Dan Pembelajaran Sepanjang Hayat